

Karangan Pilihan Peraduan Saya Boleh Mengarang 2015
Peringkat Nasional (Kategori Darjah 5/6)

Soalan: Tulis sebuah cerita yang bertajuk “Satu Kemaafan”

Aku merenung ke luar tingkap kereta, memikirkan tentang masa hadapanku. Adakah aku akan diberikan kerja? Pasti tidak, memandangkan kecacatanku ini. Air mata menitis apabila aku melihat kakiku yang lumpuh. Fikiranku melayang, mengingatkan ibu dan ayahku. Masihkah ada ruang kemaafan untukku selepas beberapa kali aku menikam hati mereka dengan kelakuanku yang biadab? Air mata membasahi pipi apabila mengenangkan segala kekasaran kelakuanku terhadap mereka.

“Saffiyah, ibu merayu. Janganlah tinggalkan ibu dan ayah. Kami sayangkan kamu. Tolonglah,” lirik Ibu. Ayah langsung tidak memandangkanku. Namun,aku pasti bahawa matanya sedang menyala dengan kemarahan. Aku merenung tajam kearah Ibu tanpa memikirkan hatinya yang terluka.

“Biar dia pergi Nora. Untuk apa kami jaga anak yang langsung tidak menghormati kami?” Berdesing telingaku apabila mendengar kata-kata Ayah itu. Aku tersenyum sinis dengan niat mahu menyakiti hatinya.

“Betul kata dia,Ibu. Saffiyah adalah anak yang tidak guna. Mengapa jaga Saffiyah daripada kecil?”Ibu sudah tersedu-sedu namun Ayah sudah hilang kesabarannya.

“Kurang ajar!” Ayah hampir menamparku namun Ibu menghalang. Aku menggelengkan kepala,terkejut dengan tindakannya. Sejak aku kecil lagi, tidak pernah Ayah berkasar denganku. Aku melangkah keluar dari rumah dengan berang lantas menelefon,Marsha,yang membenarkanku berteduh di rumahnya sementara mencari rumah sewa. “Nasib baik aku mempunyai kawan yang sebaik dia,” aku tersenyum tanpa memikirkan tentang hati yang telah aku lukai tadi.

Aku memandang sekeliling rumah Marsha. “Bersepah barang-barangnya.Jika ada Ibu,pasti rumah ini akan terjaga.” Aku mengeluh. Hatiku mendesak-desak, memaksaku untuk melupakan kedua-dua orang tuaku. Namun, aku tahu bahawa jauh di sudut hatiku,aku merindui mereka. Terdetik di hatiku bahawa aku terlalu megikut kata hati.

“Fiyah, kau dengar ke tidak kata-kataku?” teguran Marsha menghentikan lamunanku. Aku menganggukkan kepala dan menghadiahkan senyuman lantas meminta diri dan masuk ke dalam bilikku.

“Jangan lupa ikut aku malam ini!”teriaknya. Aku mengerutkan dahi,tidak faham apa yang dia maksudkan. Aku bertanya dan jawapannya amat mengejutkan.”Kita akan pergi merempit!”jeritnya keriangannya.Aku membeliakkan mata. “Bila aku katakan yang aku bersetuju?”soalku berang. Marsha tersenyum sinis.”Kalau kau mahu berteduh disini,kau harus dengar kataku! Mengerti?”kata-

katanya diikuti dengan ketawanya yang menyakitkan hati. Aku mahu memprotes tetapi apabila memikirkan bahawa aku tidak ada tempat lain untuk berteduh, aku hanya akur. Akur kerana terpaksa.

Malam sudah pun merangkak tiba dan aku sudah bersiap sedia. Aku mendengus apabila mendengar omelan Marsha tentang masa yang aku ambil untuk menyiapkan diri. "Pasti ini adalah sebabnya mengapa Ibu dan Ayah kurang senang dengan Marsha. Haish, butanya aku, tidak menyedari tentang sikapnya itu," keluhku. Aku membonceng motosikalnya lantas Marsha memacu ke arah destinasi tujuan.

Aku menggeleng kepala apabila Marsha memaksaku berlumba. "Aku tidak mahu, Marsha Evelyn!" aku memprotes dengan menyebut nama penuhnya bagi menunjukkan bahawa aku tidak bersetuju. Dia menjeling tajam dan mengingatkan aku tentang kesusahan yang akan aku hadapi jika dia menghalauku keluar dari rumahnya. Hampir menitis air mataku mendengar betapa dia hanya mementingkan diri sendiri. Dengan teragak-agak aku menunggang motosikalnya. Marsha memberikanku topi keledarnya dan aku memakainya.

"Tiga, dua, satu!" dengan pantas aku menekan minyak dan memacu motosikal itu. Mungkin aku terlalu memikirkan tentang masalahku sehingga tidak menyedari bahawa ada lori yang sedang dipandu datang bertentangan ke arahku! Aku menjadi cemas. Namun, sebelum aku sempat mengelak, lori itu sudah merempuh laju melanggarku. Tubuhku melayang dan terhentak di tepi jalan. Aku merasakan kesakitan yang amat sangat. Darah mula mengalir deras dari kepalaku. Ya Allah, adakah ini kesudahan jalan hidupku? Adakah ini balasan kerana menderhaka terhadap orang tuaku? "Ibu, ampunkan Saffiyah.." aku menangis di dalam kesakitan. Pandanganku kian kabur dan akhirnya gelap gelita...

Aku mengelap air mata yang tidak berhenti mengalir. Banyak sungguh dosaku. Pasti ini balasannya. Ya Allah, ampunilah dosaku. Walaupun cacat, aku bersyukur kerana aku masih diberi peluang untuk bernafas di bumi ini. Hon yang berbunyi menghentikan lamunanku. Pemandu teksi membuka pintu kereta lalu membantuku duduk di atas kerusi roda. Aku melihat rumah banglo yang pernah aku diami. Pintu rumah terbuka dan aku ternampak Ibu berlari ke arahku. "Saffiyah, anakku!" Dia memeluk dan menciumku berkali-kali. "Ibu ampunkan Saffiyah, Saffiyah tahu Saffiyah sudah banyak lukakan hati Ibu dan Ayah." kataku, tersedu-sedu. Ibu mengangguk seraya menghadiahkan senyuman manis. Senyuman itu. Aku rindukan senyuman itu. "Ibu maafkan Saffiyah," katanya lalu memelukku sekali lagi. Kami memasuki rumah dan aku terus meminta maaf daripada Ayah. Syukurlah dia memaafkanku.

Aku melalui jalan hidup yang berliku. Namun, banyak pengajaran yang aku perolehi. Aku harus bijak menilai yang mana kaca dan mana yang permata. Selepas kemalangkanku, Marsha langsung tidak berhubung denganku. Aku tidak berasa terkilan dengan tindakannya. Sebaliknya, aku berasa terkilan dengan diriku yang gagal membezakan antara kawan yang baik dan yang sebaliknya. Aku berharap, kesilapan ini tidak akan diulang lagi kerana aku tidak sanggup melukakan hati insan-insan yang amat aku sayangi.

Izzatul Nurain Bte Rizal
Sekolah Rendah Yew Tee